



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA  
(IJHAM)**  
[www.ijham.com](http://www.ijham.com)



## **PEMAHAMAN BACAAN IBADAH SOLAT DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU ISLAM NUSANTARA: CADANGAN MODUL**

*READING UNDERSTANDING OF PRAYER WORSHIP AMONG MALAY MUSLIM  
NUSANTARA COMMUNITY: PROPOSED MODULE*

Saupi Man

<sup>1</sup> Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).  
Email: msaupi@iium.edu.my

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 16.01.2020

Revised date: 04.02. 2020

Accepted date: 01.06.2021

Published date: 15.06.2021

#### **To cite this document:**

Saupi, M. (2021). Pemahaman Bacaan Ibadah Solat Di kalangan Masyarakat Melayu Islam Nusantara: Cadangan Modul. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 4 (13), 01-10.

**DOI:** 10.35631/IJHAM.413001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kesedaran masyarakat Melayu Islam dalam beribadah amat meningkat hari ini. Pendidikan di masjid untuk orang awam di bandar maupun di kampung dan desa bertambah maju dan meluas, mengcakupi semua bidang seperti ‘aqidah, fiqh, akhlak dan sebagainya. Namun di dalam mempelajari ilmu-ilmu asas ini, masyarakat Melayu Islam masih lagi terikat dengan budaya betulkan bacaan sahaja, di mana mereka menekankan aspek membaca, melaksana (*fi’li*) dan menjaga adat-adat, tanpa memberi tumpuan yang maksimum kepada soal kefahaman dan nilai-nilai diri dari ibadah tersebut. Bacaan ibadah-ibadah seperti bacaan solat, doa dan lain-lain amat dituntut bagi menghayati maksudnya kerana ia adalah antara ‘ibadah wajib dalam Islam. Memahami bacaan ini merupakan faktor penting dalam mendapatkan nilai khusyu’ dalam ber’ibadah. Maka tulisan ini akan memberi tumpuan kepada bentuk-bentuk ibadah yang menjadi budaya masyarakat melayu Islam yang menuntut perubahan yang lebih baik dan kesan positive kepada kehidupan individu, keluarga, masyarakat dalam sesebuah Negara. Penulis mengambil method kajian lapangan bagi menilai keperluan masyarakat serta bentuk modul yang perlu diserapkan kepada mereka dalam memahami ibadah harian yang dijalankan. Kajian menunjukan bahawa mereka amat teruja dengan modul yang dicadangkan dan hasil ujian pelaksanaan sample amat memberi kesan kepada pemahaman bacaan ‘ibadah serta dapat mencapai nilai khusyu’ dalam menunaikan ibadah.

**Kata Kunci:**

Masyarakat Melayu Nusantara, Pemahaman, Keperluan Dan Budaya.

**Abstract:**

Awareness Malay Muslim community in worship today is greatly increased. Education in the mosque for the public in the city as well as in the villages and hamlets is more advanced and extensive, covering all areas such as ‘aqidah, fiqh, morality, and so on. But in studying the basic sciences, the Malay Muslim culture still tied to the correct reading only, where they emphasize reading, implementing (*fī’lī*), and keep the traditions, without focusing on the question of which maximum understanding and the self-values of such worship. The recitation of ibadah such as the recitation of prayers, supplications, and others is very much demanded to appreciate its meaning because it is one of the ‘obligatory ibadah in Islam. Understanding this reading is an important factor in obtaining the value of *khusyu* ‘in worship. Then this article will focus on forms of worship into Malay Islamic culture that demands changes for the better and positive impact on the lives of individuals, families, society in a country. The author took a field research method to assess the needs of the community and the form of modules that need to be absorbed to them in understanding the daily worship conducted. The study showed that they are very excited with the proposed module and the results of the sample implementation test greatly affect the reading comprehension ‘worship and can achieve the value of *khusyu* ‘in performing worship.

**Keywords:**

Malay Nusantara Community, Perception, Needs And Culture

## Pengenalan

Budaya atau adat resam menjadi satu komponen yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam Nusantara. Ianya menjadi satu pengaruh yang dipegang kuat di mana ia dapat dilihat dalam budaya mengaplikasikan ibadah dalam kehidupan seharian. Dalam masyarakat Melayu Nusantara, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan, tindakan, bentuk, hubungan, intisari nilai, sikap, dan pandangan Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu (Zainal Kling, 1980). Namun ada beberapa perkara penting yang amat diperlukan, tetapi ianya terabai dan tidak banyak mendapat tempat dalam masyarakat. Antara perkara tersebut ialah kurang pemahaman dan penghayatan nilai-nilai mengenai bacaan yang dibaca dalam ibadah harian seperti solat kerana bacaannya dalam Bahasa Arab.

Sesungguhnya, pelaksanaan ibadah seorang Muslim tidak dapat lari dari menggunakan Bahasa Arab, ini menjadikan Bahasa Arab adalah satu bahasa utama yang perlu difahami serta dihayati. Dewasa ini kesedaran masyarakat melayu Islam Nusantara dalam beramal makin meningkat tetapi masih kurang penekanan terhadap kefahaman dan nilai, yang masih lagi terikat dengan menekankan kepada aspek membaca, menghafal dalam melakukan ibadah tanpa memberi tumpuan kepada memahami maksud bacaan dalam ibadah yang dilakukan. Sebagai contoh, belajar al Quran pada aspek boleh membaca dengan *Tajwid*, kemudian hafaz, *Tarannum*, dan kepelbagaiannya *Qiraat* dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, pemahaman, tadabbur serta cara beramal dengan ayat -ayat yang dibaca tidak diberi keutamaan. Begitu juga dengan ibadah-ibadah lain seperti solat, doa dan lain-lainnya. Budaya begini kurang memberi impak perubahan kepada nilai hidup cemerlang masyarakat Melayu Nusantara, sedangkan al Quran menjanjikan kecemerlangan bagi mereka yang sempurna solatnya dan ibadah-ibadahnya yang lain seperti firman Allah SWT ( al 'angkabut:45):

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya : “Sesungguhnya solat dapat mencegah perbuatan *fahsyā'* dan mungkar”

Juga firman Allah SWT( al 'Araf :96):

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ آمَنُوا وَأَتَقْوَىٰ نَفْتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: “Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertaqwah pasti kami majukan dan lapangkan segala keperluan hidup mereka dari kurnian Allah di langit dan di bumi”.

Justeru, perkara seperti ini amat memerlukan kepada satu kajian khusus dalam asas-asas yang benar kenapa ianya terjadi begitu, kemudian mencadangkan pendekatan yang terbaik bagi merealisasikan janji Allah ini, Maka tulisan ini akan memberi tumpuan kepada bentuk-bentuk ibadah menjurus kepada ibadah solat yang menjadi budaya masyarakat melayu Islam Nusantara, serta mencadangkan satu modul pemahaman ibadah dalam solat kepada kehidupan individu, keluarga serta masyarakat Islam Nusantara. Semoga ianya dapat membentuk dan merealisasikan umat Melayu Islam Nusantara merupakan “*Khairul Ummah*” dan “*Ummah Rahmah Lil Alamin*”.

### **Masyarakat Melayu Islam Nusantara**

Masyarakat Melayu Islam merupakan masyarakat yang bertutur dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya. Masyarakat ini tinggal di negeri-negeri Melayu yang hari ini dinamakan seperti Negara Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Thailand dan beberapa tempat lain di Nusantara. Menurut Zainal Kling (2007), Alam Melayu dapat ditakrifkan sebagai sebuah kawasan geografi yang meliputi seluruh wilayah kependudukan manusia rumpun Melayu yang berbahasa Melayu yang pernah menjadi *lingua franca* di seluruh Asia Tenggara terutamanya di kawasan kepulauan yang kini menjadi unit-unit geopolitik atau negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Selatan Thailand, kelompok-kelompok di Kampuchea dan Vietnam serta Taiwan. Mereka ini kebanyakannya beragama Islam dan mereka melaksanakan tuntutan agama yang pelbagai terutamanya solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan haji di Mekah bagi yang berkemampuan.

### **Ibadah dan Bahasa Arab dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam Nusantara**

Ibadah ialah segala kewajipan yang diperintahkan oleh agama ke atas umat Islam, sama ada ianya secara fardhu ain ataupun fardhu kifayah, atau tuntutan sunnah yang melibatkan bacaan, amalan hati dan perbuatan. Ibadah dari segi bahasa bermaksud taat, tunduk dan merendah diri (Zayn Al-Din Al-Razi, Muhammad,1999), dan harapan hamba kepada Tuannya sehingga kekal rapat. Ianya juga satu kelakuan yang dilakukan berserta dengan bacaan. Manakala bacaan pula

merupakan hanya satu bahasa sahaja iaitu Bahasa Arab berdasarkan pendapat jumhur ulama'. Maka wajib ke atas umat Islam mempelajari Bahasa Arab sekurang-kurangnya mereka dapat memahami bacaan-bacaan rukun (wajib) qauli dalam solat. Para ulama' Islam telah bersepakat atas kewajipan mempelajari, menjaga dan menggunakan Bahasa Arab dalam kehidupan sosial (Dhiauddin, 2015). Maka memahaminya untuk penghayatan ibadah, khususnya bacaan solat, adalah lebih dituntut untuk mendalami bahasa ini.

Oleh itu Bahasa merupakan satu alat perantara untuk berhubung antara seseorang dengan seseorang yang lain atau juga antara hamba dengan Pencipta. Bagi umat Islam, Bahasa Arab merupakan satu Bahasa yang sering digunakan kerana ia hanya satu bahasa yang digunakan dalam ibadah harian seperti solat, membaca al-Quran, zikir dan lain-lain. Bahasa Arab yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Bahasa Arab untuk memahami ibadah yang wajib dibaca dengan menggunakan bahasa tersebut. Manakala Budaya yang dimaksudkan di sini ialah kebiasaan masyarakat Melayu Nusantara dalam membaca satu-satu tuntutan agama yang harus dibaca menggunakan Bahasa Arab.

Ini bererti bahawa, telah menjadi adat dan budaya kebanyakan masyarakat Melayu Nusantara, mereka memberi penekanan kepada bacaan-bacaan dalam ibadah tanpa menekankan kefahaman dan nilai-nilai yang boleh mendatangkan kefahaman serta kekhusyukan dalam beribadah kepada Allah, yang akan merubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dan sempurna. Dalam surah al- 'Ankabut ayat 45, Allah SWT berfirman:

﴿وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تُنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾

Maksudnya: "Dan dirikanlah solat itu, sesungguhnya solat itu mencegah perbuatan fahsyah dan mungkar, dan sesungguhnya zikrullah itu amat besar dan Allah mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan".

Justeru itu, 'khusyu' dalam beribadah merupakan satu tuntutan yang amat penting yang merupakan asas segala hubungan dengan Allah, Tuhan Pencipta Alam (Saupi man, 2014). Hal ini juga jelas digambarkan dalam al-Quran surah al-Mu'minun ayat 1 dan 2:

﴿وَقَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (۱) الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَاسِعُونَ (۲)﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya beruntunglah orang yang beriman. Iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya."

Oleh itu, memahami serta menghayati apa yang dibaca dalam ibadah seperti solat akan menatihkan 'khusyu' dan rasa seronok dalam beribadah serta penuh yakin dengan pertolongan Allah dalam semua urusan kehidupan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah pada surah al-Talaq, ayat 2:

﴿وَمَنْ يَتَّقِ اللهَ يَجْعَلُ لَهُ مُخْرَجًا﴾

Maksudnya: "Siapa yang bertakwa kepada Allah nescaya baginya jalan keluar".

Berdasarkan perbincangan dan dalil ayat ayat al Qur'an di atas ,maka menjadi keperluan kepada masyarakat melayu untuk memahami Bahasa Arab kerana ibadah tanpa memahami apa yang dibaca tidak memberi nilai yang terbaik kepada seorang muslim, dan boleh membawa kepada kurangnya nilai khusyu' atau kesempurnaan hubungan dengan Allah dalam ibadah (Saupi, Abdan, 2019).

Justeru, memahami Bahasa Arab ataupun bacaan dalam ibadah merupakan satu perancangan yang perlu dilakukan demi perubahan budaya masyarakat Melayu Islam ke arah yang lebih sempurna dan sekaligus mengangkat martabat umat di nusantara ini menjadi sebuah masyarakat terbilang yang menatijahkan kefahaman sepanjang melakukan ketaatan kepada Allah. Kehidupan yang berhasil dari nilai ibadah yang sempurna akan mendapat bantuan Allah dalam semua bidang kehidupan dunia dan akhirat, seperti dalam firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 96:

﴿وَلُؤْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ آمُنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ﴾

Maksudnya: "Kalaularah penduduk negeri-negeri itu beriman serta bertaqwah (kepada Allah) pasti kami bukakan dan mudahkan/lapangkan ke atas mereka segala keberkatan dari langit dan bumi..."

### Cadangan Modul Ibadah Memahami Bacaan Dalam Solat

Satu kajian keperluan di atas telah dibuat dan hasilnya mendapati bahawa masyarakat Melayu Islam Nusantara ramai yang hanya mampu membaca bacaan dalam ibadah mereka dengan baik tanpa memberi tumpuan kepada kefahaman serta implikasi nilai dalam kehidupan harian. Justeru, dapatkan kajian yang diperolehi ini menyokong penuh supaya satu pendekatan diadakan agar pendekatan ini dapat membantu dan mampu membawa perubahan yang lebih besar kepada masyarakat Melayu Islam di nusantara untuk memahami dan menghayati ibadah yang mereka lakukan, khususnya masyarakat Islam di Malaysia (Saupi Man, 2019).

Penulis telah berjaya menghasilkan satu cadangan modul Ibadah, memahami bacaan dalam ibadah, khususnya bacaan solat, untuk membantu individu, keluarga dan masyarakat Islam memahami dan menghayati solat secara khusus dan ibadah-ibadah yang lain secara amnya. Untuk pengetahuan dan panduan, sampel modul memahami bacaan dalam solat yang dicadangkan ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu:

**Memahami Kaedah Asas Bahasa Arab, Dengan Mengikuti Langkah Seperti Sampel Berikut:**

**Jadual 1: Contoh Modul Bahasa Arab (Kaedah ﴿/Aku/Saya)**

1.0	Saya hamba	أَنَا عَابِدٌ	Saya	أَنَا ...
1.1	Tuhanku	رَبِّي زِدْنِي عِلْمًا	Saya Punya	ي... اسم + ي

1.2	Saya telah menghadapkan	وَجَهْتُ وَجْهِي	Saya Telah	ث... فعل + ث
1.3	Saya berlindung	أَعُوذُ بِاللَّهِ	Saya akan/sedang/ sentiasa	ا/ا... فعل + ا
1.4	Selamatkanlah akan saya	أَحْرِيْنِ مِنَ النَّارِ	Akan saya	ي... فعل + ي
1.5	Untuk saya	إِغْفِرْ لِي	Untuk Saya	ي... حرف + ي

#### Keterangan:

Kegunaan kata ganti nama diri pertama merujuk kepada satu (seorang) dan terbahagi kepada tiga bahagian:

#### Kata Ganti Nama Bersama Kata Nama.

Untuk yang bersambung dengan kata nama ada dua kaedah:

- Digunakan pada permulaan ayat, merujuk kepada diri sendiri.
- Digunakan dengan bersambung dengan kata nama dengan menggunakan huruf (ي) merujuk kepada pemilikan ataupun kepunyaan seseorang.

#### Kata Ganti Nama Bersama Kata Perbuatan.

Untuk yang bersama dengan kata perbuatan ada tiga kaedah:

- Perbuatan yang telah berlaku: Digunakan dengan bersambung huruf (ث) pada huruf terakhir kata perbuatan.
- Perbuatan yang sedang/akan berlaku: Digunakan dengan bersambung huruf (ا) pada permulaan kata perbuatan.
- Kata suruhan (memohon/doa): Digunakan dengan bersambung huruf (ي) pada huruf terakhir kata perbuatan.

#### Kata Ganti Nama Diri Bersama Kata Penghubung.

Untuk yang bersambung dengan kata penghubung ada satu kaedah:

- Kata ganti nama yang bersambung dengan kata penghubung digunakan dengan menyambungkan kata penghubung dengan huruf (ي) merujuk kepada diri sendiri.

**Jadual 2: Contoh Modul Bahasa Arab (Bacaan Solat dan Ibadah Harian)**

KAEDAH 1.0	وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ
KAEDAH 1.1	إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي
KAEDAH 1.2	وَجَهْتُ وَجْهِي
KAEDAH 1.3	أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
KAEDAH 1.4	وَاجْبُرْنِي وَارْفَعْنِي
KAEDAH 1.5	رَبِّ اغْفِرْ لِي

*Menghayati Perkataan Serta Bentuk Ayat Yang Digunakan Dalam Setiap Bacaan Ibadat Asas Seperti Contoh Berikut:*

Kata Dasar isim/fi'el/ harf	Penggunaan dalam ayat
waktu Zohor : ظهر / الظہر	صلوة الظہر / solat Zohor

**Keterangan:** kata dasar ialah perkataan kata nama, atau kata perbuatan atau penyambung yang belum digunakan lagi dalam struktur yang dibaca dalam bacaan ibadat harian. Adapun “penggunaan” adalah realiti yang akan kita temui dalam bacaan ibadah, lalu ia dapat mengenal secara jelas penggunaan itu, sebelum membaca serta mengenal tanda-tanda ganti nama yang bersambung dengan setiap perkataan secara faham dan sedikit demi sedikit kita akan dapat menghayati dialog tersebut.

*Penghayatan Bacaan Dalam Ibadah Dan Caranya.*

Pada peringkat ini,pembaca atau pelajar wajib ianya telah melalui atau mempelajari dua peringkat di atas (**Memahami kaedah asas Bahasa Arab dan Menghayati perkataan serta bentuk ayat yang digunakan dalam setiap bacaan ibadat**) dengan pemahaman serta penghayatan yang sempurna.

Bagi memahami peingkat ke tiga (3) ini sebagai contoh, penulis memilih serta menurunkan: **“Doa Antara Dua Sujud”** dalam solat. Dalam memahami doa ini, pembaca atau pelajar akan melalui tiga proses penghayatan, iaitu seperti berikut:

**1. Baca dengan betul dan fasih( sebaiknya bertalaqqi).**

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْفَعْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِي

**2. Faham terjemahan secara umum bacaan (iaitu maksud doa itu) :** “Ya Allah, ampunilah dosaku dan rahmatilah aku, lindungilah aku, angkatlah darjatku,

rezekikanlah aku, berikanlah aku petunjuk, selamatkanlah aku dan maafkanlah akan aku”.

- 3. Faham perkataan serta mampu menghayati bentuk ayat yang lengkap dalam mana-mana bacaan ibadat itu,** seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 3: Contoh Modul Bahasa Arab (Doa Antara Dua Sujud)**

وَارْفَعْنِي Dan tinggikanlah darjat ku	وَاجْبِرْنِي Dan cukupkanlah aku	وَارْحَمْنِي Dan kasihanilah aku	لِي Bagi ku	اَغْفِرْ Ampunilah	رَبَّ Tuhan ku
--	---	---	----------------	-----------------------	-------------------

عَزِيزٌ Dari (kesalahan) aku	وَاعْفُ Dan maafkanlah	وَعَافَيْتُ Dan sembuhkanlah aku	وَاهْدِنِي Dan berilah akan aku petunjuk	وَارْزُقْنِي Dan rezekikanlah aku
---------------------------------	------------------------------	---	---	--

Contoh atau sampel di atas merupakan ganti nama pertama seorang sahaja iaitu “saya” (أنا). Bagi ganti nama lain ada 13 lagi. Pendekatan susunan adalah hampir sama seperti contoh (أنا). Manakala penerangan setiap penggunaan berbeza antara satu dengan yang lain mengikut kesesuaian.

### Pendekatan dan Pelaksanaan Modul Cadangan

Bagi menjayakan cadangan modul di atas, tiga perkara asas perlu diwujudkan, iaitu:

1. Mengadakan satu institusi khas, sekurang-kurangnya di masjid seluruh negeri, bagi membuka ruang kepada masyarakat awam mendalamai ilmu agama secara bersistematis dan bermodul serta mewujudkan pengiktirafan (*syahadah*).
2. Adakan modul khas sekurang-kurangnya modul ringkas bagi memahami Bahasa Arab (Ibadah) yang dapat dipelajari oleh semua lapisan masyarakat dalam jangka masa yang pendek (contohnya modul cadangan ini).
3. Wujudkan pusat latihan guru program khas tersebut bagi menyegerakan perubahan masyarakat bukan sekadar mampu membaca bacaan-bacaan dalam ibadah, bahkan berpotensi untuk memahami, menghayati dan mengambil manfaat dari ibadah-ibadah yang mereka amalkan.

### Penutup

Sesungguhnya, modul ini telahpun didedahkan kepada masyarakat awam di Malaysia dan hasilnya begitu baik, dengan sambutan peserta yang kian bertambah pada setiap kelas dan kursus yang dijalankan. Disarankan agar lebih banyak lagi kursus kursus ini diadakan bagi meningkatkan lagi kefahaman dan penghayatan masyarakat Melayu Islam di Nusantara.

Kerjasama dari pihak pihak berwajib dan berkenaan amat-amat dialukan dan diharapkan bagi menjayakan kursus ini secara menyeluruh di kalangan masyarakat Melayu Islam. Semoga cadangan modul ini dapat membantu dan mampu membawa masyarakat Melayu Islam Nusantara yang bukan penutur asal Bahasa Arab, memahami serta mampu menghayati setiap bacaan dalam ibadat mereka, khususnya ibadat solat. Ini adalah kerana modul cadangan ini bukanlah suatu yang baru dan asing bagi masyarakat melayu Islam Nusantara kerana mereka telah mahir membacanya hanya tidak memahami maknanya sahaja. Akhirnya diharap cadangan modul ini secara khusus dapat memberi nilai penghayatan dan pemahaman ibadah yang jelas di kalangan masyarakat melayu Islam di Nusantara dan masyarakat Islam seluruhnya.

## Rujukan

- Al Quran al Kariem.
- Abdul Jalal Bin Abdul Manaf, (2015). *Keberkesanan kaedah Kefahaman makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz Al-Quran*. Laporan Penyelidikan darul Quran Jakim.
- Ahmad labeeb Tajudeen gamal Abdul Nasir Zakaria (2016). *Designing Curriculum for teaching Arabic Language for The Purpose of Understanding the Qur'an*. Journal of Creative Writing Volume2, Issue 2 2016, PP 30-36.
- Dhiauddin. (2015). *Motivasi Belajar Bahasa Arab Anak Petani (Studi Kasus Anak Petani Kecamatan Sawang Kabupaten Aceh Utara Provinsi Aceh)*. Prosiding conference National Bahasa Arab (konasbara). pp 103 & 108.
- Farhana Idris & Munirah Azrae, (2015). *Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab untuk Pemahaman Ayat Al-Quran*. E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015 (e-ISBN 978-967-0792-04-0).
- Husaini Kasran, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha, (2015). *Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas*. Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization, E-ISSN: 2289-6759 Volume 2.
- Lubis, M. A., Ikwan S. E, Sjahrony, A. Lubis, I. F., &Din, R. (2015). *Development of the multimedia supported Qur'anic language game module for national primary schools in Malaysia*. Journal of Personalized learning, 1(1): pp 85-92
- Mohd Shahrizal nasir, Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir. (2015). *Tinjauan Persepsi PembeJaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai, Sebagai Satu Keperluan Bagi masyarakat Muslim Awam Di Malaysia*.
- Mohammad Najib Jaffar, Karim Rashid Abdul Hamid, Hishomuddin Ahmad. (2013). *Bahasa Arab Untuk Tujuan agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan komunikasi di USIM*. 'Ulum Islamiyyah Journal Vol.10 (June) 2013. pp 19-29.
- Nur Afifah Fadzil, Suhaila Zailani @ Haji Ahmd. (2014). *Tinjauan literatur Modul pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Orang Awam*. Prosiding Seminar pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Pp 56-63.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah mezah, Nik Farhan Mustapha dan Mohd Sukki Othman. (2016). *Kerangka Pembinaan modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab untuk Pelajar Warga Emas*. E Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization volume 3.
- Suhaila Zailani Ahmad & Nur Afifah Fadzil (2014). *Penggunaan Modul Dan Buku Bahasa Arab untuk Orang Awam*. Al-Hikmah 6(2) 2014: pp 65-77.

- Saini ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap. (2016). *Bahasa Arab dalam ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar University Malaysia Sabah*. Manu bil. 24, pp 67-89.
- Saupi Man. (2014). *Fahami bacaan ‘ibadat solat langkah capai khusyu*. IIUM press. Prakata penulis.
- Saupi Man & Mohd Khairul Abdan Baharudin. (2019). *Hebatnya Ramadhan, mulianya al Quran*. Siri1. Akademi Al Syakirin Gombak. pp 47-53.
- Zainal Kling, (1980). “*Sistem Nilai Tradisi Melayu*.” *Kertas kerja Dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat Melayu*. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.
- Zainal Kling. (2007). *Islam dan Kebudayaan Alm Melayu*. Dialog Budaya (ke-2: Pattani, Thailand).
- Zayn Al-Din Al-Razi, Muhammad. (1999). Mokhtar al-Sihhah, Yusuf Muhammad (Ed.) Beirut: Al-Maktabah al-‘Asriyyah Al-Dar Al-Namudhajiyyah.